

UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
جامعة العلوم الإسلامية
ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA

APPENDICES

Appendix 1: Interview Request Letter

Abdul Rasydan Bin Mohamad Rusli

23, Jalan Sri Qaseh 1,
Desa Sri Qaseh,
43900 Sepang,
Selangor Darul Ehsan.

Kepada,

Encik Amir Intizam bin Othman

Penolong Pengarah Kanan Bahagian Pendidikan,
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan,
70990 Seremban,
Negeri Sembilan Darul Khusus.

Melalui,

Encik Abdul Rahim Bin Ma'amor

Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pendidikan,
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan,
Tingkat 1, Karung Berkunci No. 30,
Jalan Dato' Hamzah,
70990 Seremban,
Negeri Sembilan Darul Khusus.

23 Mei 2022

Tuan,

PERMOHONAN UNTUK MENEMUDUGA BAHAGIAN PENDIDIKAN JHEAINS

Dengan segala hormatnya, perkara diatas adalah dirujuk.

2. Saya, Abdul Rasydan Bin Mohamad Rusli, merupakan pelajar Sarjana Pengajian Al-Quran dan As-Sunnah di Universiti Sains Islam Malaysia. Untuk makluman tuan yang dihormati, saya sedang menjalankan kajian takhrij terhadap silibus subjek Sirah untuk Kelas Agama dan Fardu Ain (KAFA) Negeri Sembilan.
3. Di kesempatan ini, saya ingin memohon kesudian pihak tuan untuk ditemuramah oleh diri saya pada tarikh yang akan dipersetujui secara bersama kelak. Temuramah tersebut adalah bertujuan untuk mendapatkan maklumat berkenaan pengurusan Kelas Agama dan Fardu Ain (KAFA). Temuramah ini juga bertujuan untuk

mendapatkan maklumat umum berkenaan subjek-subjek yang diajar di KAFA Negeri Sembilan, terutamanya subjek Sirah.

4. Bersama hantaran *email* ini juga saya lampirkan surat pengesahan pelajar daripada institusi tempat saya belajar untuk rujukan pihak tuan. Diharapkan pihak tuan dapat mempertimbangkan pemohonan saya ini. Kerjasama tuan amat saya hargai.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



ABDUL RASYDAN BIN MOHAMAD RUSLI

Pelajar,

Sarjana Pengajian Al-Quran dan As-Sunnah,
Universiti Sains Islam Malaysia.

UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
جامعة العلوم الإسلامية
ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA

Appendix 2: Private Interview With Academic Officer of JHEAINS

Orang yang ditemubual : Amir Intizam Bin Othman,
Penolong Pengarah Kanan,
Unit Pengurusan Akademik,
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS).

Penemubual : Abdul Rasydan Bin Mohamad Rusli
Pelajar Ijazah Sarjana,
Fakulti of Pengajian Al-Quran Dan As-Sunnah.

Tarikh : 8th July 2022, Friday

Tempat : Klana Resort, Jalan Penghulu Cantik, Taman Tasik Sremban, 70100
Seremban, Negeri Sembilan, Malaysia.

Assalamualaikum dan selamat petang. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah ﷻ kerana pada hari ini kita dapat bersama untuk sesi temuramah berkenaan pelaksanaan kelas KAFA di Negeri Sembilan.

Soalan 1 : Sebelum kita meneruskan sesi ini, boleh encik memperkenalkan diri?

Encik Amir : Assalamualaikum. Nama saya Amir Intizam Othman. Saya merupakan Penolong Pengarah Kanan Unit Pengurusan Akademik, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan. Saya telah memegang jawatan ini sejak tahun 2019 sehingga kini. Secara umumnya, saya telah bekerja dibawah jabatan ini sejak tahun 2011. Ketika itu, saya ditugaskan sebagai Penolong Pengarah Unit Sekolah Agama Rendah (SAR) dan KAFA Negeri Sembilan.

Soalan 2 : Terima kasih diucapkan kepada Encik Amir diatas kesudian Encik Amir menghadiri sesi ini. Pertamanya, boleh encik memperkenalkan serba sedikit apa itu kelas KAFA?

Encik Amir : Kelas KAFA adalah kelas fardu ain yang dijalankan bagi mendidik tatacara dan gaya hidup Islam dalam kalangan para pelajar. JHEAINS bekerjasama rapat dengan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dalam mengadakan kelas KAFA di sekolah-sekolah kebangsaan dan sekolah-sekolah jenis kebangsaan. Setakat ini, lebih kurang 200 buah sekolah-sekolah kebangsaan dan sekolah-sekolah jenis kebangsaan digunakan dalam pengoperasian kelas KAFA.

Pengoperasian kelas KAFA di Negeri Sembilan adalah mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh pihak JAKIM, iaitu minimum 3 jam sehari untuk 3 hari dalam seminggu. Jumlah minimum jam kelas KAFA adalah 9 jam seminggu. Guru-guru dikira layak dibayar elaun sekiranya mencukupi tempoh minimum mengajar dalam seminggu.

Bagi pengoperasian sekolah agama rakyat (SAR), kelas KAFA dijalankan

sebanyak 5 hari seminggu berbanding kelas KAFA di sekolah-sekolah dibawah KPM. Kelas KAFA dibawah KPM hanya mengambil tempoh masa minimum kelas KAFA, iaitu 9 jam untuk 3 hari dalam seminggu.

Kebiasaannya, pelaksanaan kelas KAFA hanya dibuat dari darjah satu hingga darjah lima. Manakala darjah enam hanya terdapat di sekolah-sekolah agama rakyat, dengan jumlah pelajar yang tidak ramai. Setakat ini, sebanyak 50,000 murid sedang mengikuti kelas KAFA di Negeri Sembilan.

Soalan 3 : Pentadbiran kelas KAFA diletakkan dibawah kelolaan kerajaan negeri. Untuk di Negeri Sembilan, pentadbiran kelas KAFA adalah dibawah kelolaan JHEAINS. Apakah peranan JHEAINS dalam pentadbiran kelas KAFA?

Encik Amir : Terdapat 4 unit kesemuanya di bawah bahagian pendidikan JHEAINS, di mana pentadbiran KAFA berada di setiap unit. Unit pertama ialah Unit Pengurusan Pendidikan. Unit ini bertanggungjawab dalam pengambilan dan pengurusan elaun guru-guru. Guru-guru KAFA hanya mempunyai elaun Unit kedua adalah unit yang sedang saya ketuai, iaitu Unit Pengurusan Akademik. Unit kami bertanggungjawab dalam menguruskan kurikulum KAFA dan pentaksiran pelajar-pelajar KAFA, termasuk kertas-kertas soalan percubaan dan . Kami juga bertanggungjawab dalam memastikan setiap institusi KAFA mengikut kurikulum yang digariskan oleh pihak JAKIM.

Unit ketiga ialah Unit Pengurusan Pembangunan Insan. Unit ini bertanggungjawab dalam menguruskan latihan dan bengkel untuk guru-guru KAFA. Manakala unit keempat ialah Unit Pengurusan Penaziran. Unit tersebut bertanggungjawab dalam memantau dan memastikan setiap institusi KAFA mematuhi peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh JAKIM.

Sebelum ini, semua tugas unit-unit tersebut berada dalam satu unit sahaja, yang dipanggil sebagai Unit SAR KAFA. Pada 2019, unit tersebut telah dipecahkan kepada 4 unit yang disebutkan sebentar tadi dengan tujuan memperkemas pentadbiran JHEAINS dan KAFA Negeri Sembilan.

Soalan 4 : Berapakah subjek yang diajar di kelas KAFA?

Encik Amir : Buat masa ini, terdapat 7 subjek yang diajar di kelas KAFA. Subjek-subjek tersebut ialah Al-Quran, Akidah, Ibadah, Sirah, Adab, Bahasa Arab, serta Jawi dan Khat.

Walau bagaimanapun, Ujian Penilaian Kelas Kafa (UPKK) mencakupi 8 penilaian, di mana satu lagi kurikulum tersebut adalah subjek Tahfiz Al-Quran. Subjek ini adalah berbeza dengan subjek Al-Quran yang disebut sebelum ini. Subjek ini memberi penekanan kepada hafazan ayat-ayat Al-Quran untuk juzuk 30.

Soalan 5 : Adakah silibus untuk subjek-subjek tersebut dibuat oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan sendiri atau dibuat oleh pihak JAKIM?

Encik Amir : Silibus-silibus tersebut dibuat oleh JAKIM, bukan JHEAINS. JAKIM telah mengeluarkan silibus versi 2.0 untuk kegunaan semua negeri. Kami di jabatan hal ehwal Islam negeri hanya memastikan kelas-kelas KAFA mematuhi silibus-silibus yang telah ditetapkan dengan membekalkan bahan-bahan dan sumber-sumber seperti buku teks. Ini kerana tidak semua negeri ada menerbitkan buku teks mereka sendiri. JAKIM juga mengesyorkan pembekal-pembekal buku teks untuk secara skim pinjaman buku. Pelajar tidak perlu membeli buku-buku teks kerana kesemuanya dibekalkan oleh JHEAINS melalui pembekal-pembekal tersebut.

Di peringkat awal kelas KAFA pada tahun 90-an, kemungkinan silibus-silibus tersebut dibuat sendiri oleh JHEAINS. Kemungkinan juga ada kurikulum yang diberikan oleh kerajaan pusat, dan ada sebahagian kurikulum dibuat hasil kebijaksanaan di peringkat negeri. Ini disebabkan pada zaman kelas-kelas KAFA dibuat, ianya hanya dijalankan di sekolah-sekolah agama rakyat tanpa melibatkan sekolah-sekolah kebangsaan dan sekolah-sekolah jenis kebangsaan.

Soalan 6 : Apakah perbezaan silibus yang dibuat oleh JHEAINS dan JAKIM, khususnya untuk subjek Sirah?

Encik Amir : Tiada perubahan dibuat terhadap isi kandungan kurikulum tersebut. Namun, susunan kandungan dalam buku teks tersebut diperkemas.

Untuk versi terkini, subjek Sirah lebih menumpu kepada keperibadian Rasulullah ﷺ sebagai ikutan dan menghayati keperibadian baginda dalam kehidupan seharian. Melalui subjek ini juga para pelajar dapat mengenali keperibadian tokoh-tokoh Islam yang lain, di mana peribadi tokoh-tokoh Islam tersebut ada dimasukkan dalam silibus subjek Sirah.

Soalan 7 : Semestinya, pendidikan Islam seperti pembacaan Al-Quran, Sirah dan Akhlak adalah penting untuk dipelajari oleh para pelajar. Pada pendapat encik, apakah kepentingan subjek Sirah kepada para pelajar di kelas KAFA Negeri Sembilan?

Encik Amir : Subjek Sirah lebih fokus kearah sifat dan peribadi Rasulullah SAW sebagai qudwah dan ikutan umat manusia, khususnya murid-murid di kelas-kelas KAFA Negeri Sembilan. Penghayatan terhadap subjek ini adalah perlu dalam setiap diri murid-murid untuk mengamalkannya dalam kehidupan seharian.

Selain itu, subjek Sirah juga mampu menggalakkan pelajar untuk menjadikan Nabi Muhammad sebagai ikutan dan model terbaik. Di dalam silibus Sirah kelas KAFA, beberapa tokoh-tokoh Islam juga dipelajari juga dengan tujuan untuk para pelajar menjadikan mereka sebagai contoh ikutan dalam kehidupan seharian.

- Soalan 8 : Soalan terakhir saya, apakah peranan guru dalam memastikan generasi seterusnya terdidik dengan ilmu agama yang betul dan lurus melalui pembelajaran subjek Sirah?
- Encik Amir : Ada satu elemen dalam pendidikan di mana ianya dipanggil Elemen Merentas Kurikulum (EMK). Semestinya dalam satu-satu sesi pengajaran, guru-guru akan membacakan ayat-ayat Al-Quran dan hadith-hadith nabi.

Pada masa yang sama, terdapat Ujian Penilaian Kelas KAFA (UPKK) itu sendiri, ada satu penilaian yang dipanggil sebagai Penghayatan Cara Hidup Islam (PCHI). Penilaian ini adalah untuk guru menilai sejauh mana hubungan pembelajaran subjek Sirah dan subjek-subjek lain dalam kehidupan mereka seharian.

Kebiasaannya, murid-murid lebih senang mengikut apa yang dipraktikkan oleh guru-guru mereka. Murid-murid juga akan membuat pemerhatian terhadap tingkah laku guru-guru. Oleh itu, guru-guru sepatutnya memberi contoh tauladan yang terbaik agar ianya diikuti oleh para pelajar. Perkara ini selaras dengan 1 hadith nabi:

المقال لسان من أصدق الحال لسان.

Hadith tersebut membawa maksud kata-kata yang dizahirkan melalui perbuatan adalah lebih tepat daripada apa yang dicakapkan. Adakalanya orang bercakap berkenaan sesuatu yang tidak dibuat, walhal perkara yang dibuat itulah yang akan menjadi contoh kepada orang lain, terutamanya kepada anak-anak murid. Situasinya adalah sama apabila kita di rumah. Di rumah, perlakuan ibu bapa akan menjadi ikutan bagi anak-anaknya. Tetapi, di sekolah, guru-gurulah yang menjadi ibu dan ayahnya. Itulah peranan guru dalam menerapkan nilai-nilai yang baik, terutamanya melalui subjek Sirah.

Selain itu, guru-guru juga berperanan sebagai fasilitator. Dalam pendidikan, ada suatu istilah yang disebut sebagai pengajaran dan pemudahcaraan. Oleh itu, guru-guru perlu tunjuk cara bagaimana nabi makan, nabi masuk ke tandas, sifat amanah nabi, sifat tabligh nabi dan lain-lain.

Terima kasih sekali lagi saya ucapkan kepada Encik Amir Intizam Othman kerana sudi menerima jemputan temu bual bersama saya pada hari ini. Jazakumullahu khairan kathiran, Encik Amir. Sehingga kita bersua lagi di kesempatan yang lain, inshaallah.

Aqulu qauli hadha, wa astaghfirullahal azim li walakum. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.